

PM luang masa lihat cucu lawan catur di MCF

BERITA HARIAN 02 JUN 2025 mjr:31



Anwar memberi sokongan moral kepada Sulaimaan yang menyertai Mini Chess Festival 2025 pada Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur di WTCKL, semalam. (Foto Aizuddin Saad/BH)

Kuala Lumpur: Peserta Mini Chess Festival (MCF) 2025 sempena Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL), semalam mendapat suntikan daripada pengunjung istimewa.

Perdana Menteri meluangkan masa memberi kata-kata semangat kepada beberapa peserta pertandingan anjuran The New Straits Times Press (NSTP) itu, selepas majlis penutup PBAKL pada tengah hari.

Datuk Seri Anwar Ibrahim juga memberi sokongan moral kepada cucunya, Sulaimaan Mohamad Khairul, 13, yang turut serta dalam pertandingan berkenaan.

Sulaimaan yang menyertai Kejohanan Catur Kebangsaan pada setiap tahun itu berkata, beliau meminati permainan itu sejak di sekolah rendah.

“Tiada dorongan atau galakan daripada sesiapa sebab ini memang minat saya,” katanya yang juga anak sulung daripada empat beradik.

Pertandingan itu anjuran bersama NSTP dan Persekutuan Catur Malaysia (MCF) membatikkan penyertaan pelajar sekolah dan pencatur muda dari seluruh negara serta peserta antarabangsa dalam saingan format berpasukan dan individu. Sementara itu, Setiausaha

Kehormat MCF, Najib Abdul Wahab, berkata hampir 300 orang menyertai MCF dari pelbagai peringkat umur.

“Sebanyak empat kategori pertandingan yang terbuka kepada semua peringkat umur. Antaranya NSTP-MCF Open Blitz,

National Youth Blitz, National Youth Rapid dan Open Rapid,” katanya.

Najib berkata, pertandingan itu wajar diteruskan tahun akan depan dan dikembangkan ke peringkat sekolah untuk melatih pelajar mahir dalam fi-

kiran kritis. Dalam pada itu, Perdana Menteri juga sempat singgah dan membelek akhbar *Berita Harian (BH)*, *New Straits Times (NST)* dan *Harian Metro (HM)* di reruai NSTP. Pengurus Pembangunan Per-

niagaan dan Projek Khas NSTP, Tengku Kaifimirza Tuan Cherit, berkata langganan akhbar cetakan serendah RM500, termasuk dengan kombo e-paper ini ditawarkan kepada pengunjung PBAKL selama setahun.

“Kita buat jualan langganan kepada semua pengunjung PBAKL dan mereka tidak perlu keluar untuk mencari surat khabar, kami yang akan hantar terus ke rumah atau pejabat mereka,” katanya.

Walau bagaimanapun beliau berkata, jumlah langganan akhbar itu tidak termasuk dengan caj penghantaran.

Kaifimirza berkata, tujuan inisiatif ini untuk menggalakan lagi budaya membaca dalam kalangan masyarakat.

“Saya berharap semua pembaca terus melanggan akhbar cetakan supaya kita dapat mengetahui lebih lanjut mengenai hal ehwal semasa dengan lebih tepat dan cepat.

“Pembaca boleh melayari laman sesawang <http://subscription.nstp.com.my> untuk melanggan versi digital (ePaper) dan cetakan akhbar,” katanya.

Sebanyak 800 naskhah akhbar diedar setiap hari secara percuma kepada pengunjung PBAKL sejak 23 Mei lalu dan berakhir semalam.